

**TEKS UCAPAN ALUAN
YANG DIPERTUA MPSP**

**MAJLIS PERASMIAN PROJEK NAIK TARAF PASAR AWAM TAMAN
BERJAYA**

15 JUN 2013 (SABTU)

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Soon Lip Chee

Adun Jawi

Yang berhormat Dato' Mansor bin Hj Othman

Ahli Parlimen Nibong Tebal

Yang Berusaha Ahli Majlis - Ahli Majlis

En Teoh Seang Hooi dan En Loh Joo Huat

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Wartawan

Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang dan Yang Berhormat –Yang Berhormat kerana sudi melapangkan masa untuk hadir ke Majlis Perasmian Projek Naik Taraf Pasar Awam Taman Berjaya pada pagi ini.

Untuk makluman semua, pada 2 Jun yang lalu, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng bersama-sama dengan YB Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim telah merasmikan projek naiktarf Pasar Awam di Samagagah. Projek-projek yang dirasmikan ini merupakan hasrat murni Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah memperuntukan RM 5 juta untuk menaiktarf 3 buah pasar awam iaitu Pasar Awam Sri Bandar, Pasar Awam Taman Berjaya, Nibong Tebal dan juga Pasar Awam Samagagah. Sebanyak 23 pasar awam juga telah menjalani pembaikan kecil dengan peruntukan sebanyak RM 5 juta. Disamping itu, sebuah pasar awam baru juga akan dibina di Juru dengan peruntukan sebanyak RM 1 juta dan ia dijangkakan siap pada bulan Disember 2013. MPSP juga menerima peruntukan sebanyak RM 1,119,100 daripada Kerjaan Negeri Pulau Pinang untuk tujuan menaiktarf dua pasar awam iaitu Pasar Awam Kampung Baru dan Pasar Awam Berapit.

Pada pagi ini, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng akan merasmikan Projek Naiktaraf Pasar Awam Taman Berjaya yang menggunakan peruntukan sebanyak RM 1.468 juta. Kerja-kerja naiktaraf yang dijalankan adalah meliputi pasar utama, ruang niaga ayam, ruang niaga khinzir, kompleks penjaja baru, gerai tertutup dan juga pembinaan 3 ruang tandas lelaki, 3 ruang tandas untuk perempuan serta 1 ruang tandas untuk golongan OKU yang baru. Selain daripada itu, rumah pam air yang baru turut dibina untuk penggunaan *hose reel water tank* dan parit-parit di sekeliling pasar juga dinaiktaraf semula.

Kerja-kerja menaiktaraf Pasar Awam Taman Berjaya ini amat mencabar bagi Majlis kerana peniaga tidak dipindah keluar semasa kerja-kerja naiktaraf dijalankan. Ini adalah kerana semua peniaga tidak bersetuju untuk dipindahkan. Kerja-kerja naiktaraf dijalankan pada sebelah petang atau malam. Akhirnya dengan kerjasama dari Ahli Majlis MPSP, En. Loh Joo Huat dan En. Teoh Seang Hooi serta para peniaga, maka kerja-kerja naiktaraf ini dapat disiapkan juga.

Seperti di Majlis Perasmian Projek Naiktaraf Pasar Awam Samagagah tempoh hari, saya sebagai Yang Dipertua MPSP ingin memohon kerjasama daripada semua pihak terutamanya para peniaga untuk

menjaga kebersihan di pasar dan juga kompleks makanan. Sisa-sisa makanan, sisik-sisik ikan dan lain-lain janganlah dibuang ke dalam longkang kerana keadaan ini akan menyebabkan longkang tersumbat dan kemudian mengundang bau yang tidak menyenangkan dan parit monsoon tidak akan tersumbat dan banjir dapat dielakkan. Keadaan ini juga akan menyebabkan pengunjung tidak ingin mengunjungi pasar ini dan seterusnya akan menjaskan pendapatan para peniaga.

Selain itu, saya juga ingin memohon kepada para peniaga supaya dapat menjaga kebersihan di pasar ini kerana dengan adanya sebuah pasar yang bersih, ia baru dapat menarik pengunjung untuk membeli di sesebuah pasar tersebut dan seterusnya menjadikan Negeri Pulau Pinang yang lebih bersih khususnya di Seberang Perai.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pada tahun 2013, MPSP telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1,754,700.00 untuk tujuan penyelenggaraan pasar awam dan kompleks penjaja. Saya berharap dengan kerjasama daripada semua peniaga, ia dapat membantu MPSP mengurangkan perbelanjaan untuk penyelenggaraan dan menggunakan peruntukan yang dijimatkan tersebut

untuk tujuan menyediakan kemudahan yang lain kepada masyarakat Seberang Perai.

Peruntukan yang banyak ini perlu disediakan kerana keadaan yang sering dihadapi oleh MPSP adalah para peniaga membuat ‘plug point’ tambahan untuk lampu dan kipas tanpa kelulusan dan kebenaran daripada Majlis. Keadaan ini akan menambahkan bebanan elektrik dan seterusnya menyebabkan bekalan elektrik terputus dan masalah akan kembali kepada para peniaga yang berniaga di satu-satu pasar awam tersebut. Saya ingin menyeru kepada semua peniaga pasar awam dan kompleks penjaja di Seberang Perai supaya mendapatkan kelulusan dan kebenaran daripada Majlis sebelum membuat sebarang penambahan keperluan di gerai masing-masing. Ini adalah untuk mengurangkan berlakunya sebarang kerosakan yang tidak diingini yang boleh mengganggu urusan jual beli para peniaga.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ingin saya umumkan bahawa tuan-tuan dan puan-puan boleh memberi maklumbalas atau cadangan mulai 16 Jun 2013 sehingga 1 Julai 2013 yang boleh dicapai melalui laman web MPSP. Ini merupakan tahun ke-2 MPSP menjalankan program ini

dimana pembayar cukai di Seberang Perai boleh memberikan pandangan dan cadangan mereka dalam menyediakan Bajet MPSP bagi tahun 2014.

Selain itu, ingin saya umumkan juga bahawa aktiviti Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tugu pada esok (16 Jun 2013) dan ia juga akan di adakan di SPS pada setiap Ahad minggu keempat. Lokasi yang dipilih adalah di padang Taman Berjaya. Semua penduduk SPS adalah dijemput untuk hadir bersama-sama. Semasa senamrobik, MPSP juga menyediakan pemerikasaan kesihatan dan juga pameran pendidikan bersepadu.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang, YB-YB dan para jemputan kerana kesudian hadir pada Majlis Perasmian pada pagi ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.